



**MAJLIS DAERAH KAMPAR
JALAN ISKANDAR,
31900 KAMPAR
PERAK DARUL RIDZUAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221003 bertaraf Bumiputera yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

BIL	SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN KERJA-KERJA PEMUNGUTAN SAMPAH DAN PENGANGKUTAN SAMPAH SERTA PENYELENGGARAAN TAPAK PELUPUSAN SAMPAH UNTUK MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI TEMPOH 12 BULAN DI KAWASAN : -	RUJUKAN SEBUT HARGA
1	Kawasan Zon A (Kawasan Kampar)	MDKpr/SH/P/10-2019
2	Kawasan Zon A- 1(Kawasan Bandar Baru)	MDKpr/SH/P/11-2019
3	Kawasan Zon A-2 (Kawasan Pekan Kampar-Taman Mahsuri Jaya)	MDKpr/SH/P/12-2019
4	Kawasan Zon B (Kawasan Jeram, Malim Nawar, Sg. Siput Selatan)	MDKpr/SH/P/13-2019
5	Kawasan Zon C (Kawasan Gopeng)	MDKpr/SH/P/14-2019
6	Kawasan Zon D (Kawasan Mambang Diawan)	MDKpr/SH/P/15-2019
7	Tapak Pelupusan Sampah, Sg. Siput Selatan	MDKpr/SH/P/16-2019

2. Dokumen tawaran boleh disemak dan dibeli secara tunai di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Kampar mulai jam **12.00 tengahari** pada **4 Januari 2019** sehingga **10 Januari 2019** mengikut waktu pejabat. Harga senaskah dokumen ialah **RM100.00** untuk setiap zon. Dokumen tawaran tidak akan dijual atau dikeluarkan selepas tempoh yang tersebut di atas.

3. Satu taklimat akan diadakan pada tarikh **4 Januari 2019 jam 10.00 pagi** di **Dewan Auditorium, Majlis Daerah Kampar**. Kehadiran taklimat adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini (wakil tidak dibenarkan). Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor **yang hadir** pada sesi taklimat tersebut sahaja. Sila bawa **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan mengikut kod bidang** yang dinyatakan dan **salinan fotostat semasa pendaftaran taklimat dan pembelian dokumen sebutharga**.

4. Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang berlakri / bermeterai**. Nombor rujukan tawaran hendaklah dinyatakan di muka depan sampul surat serta dialamatkan kepada **Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar** dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di **Majlis Daerah Kampar, Jalan Iskandar, 31900 Kampar, Perak** pada atau sebelum jam **12.00 tengahari** pada **18 Januari 2019**. Dokumen tawaran yang diterima selepas masa yang ditetapkan atau yang tidak lengkap akan ditolak. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.

5. Majlis Daerah Kampar tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kampar,
Jalan Iskandar,
31900 Kampar,
PERAK DARUL RIDZUAN

19 DEC 2018